

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 30 MEI 2016

Jiran sepakat sebelum Ramadan

SHAH ALAM - Penduduk di KRT Rumah Teres Bertingkat Seksyen 24A meneruskan tradisi kesepakatan mereka melaksanakan gotong royong perdana menjelang Ramadan, semalam.

Program tahunan yang sudah memasuki tahun ketiga ini dianjurkan bertujuan untuk merapatkan lagi silaturahim di samping membersihkan kawasan perumahan mereka sebelum menyambut bulan penuh keberkatan itu.

Menurut pengerusinya, Mohamad Abu Bakar, pengurusan gotong royong perdana ini merupakan hasil usaha ahli jawatan kuasa KRT berkenaan yang telah merencanakannya sejak dua bulan lalu.

Beliau berkata, program seranjang dua mata iaitu muhibbah dan shah ini bagi memberi ruang kepada keseluruhan penduduk mengambil bahagi-



Penyediaan lori tangki oleh MBSA memudahkan kerja-kerja pembersihan dilakukan.

an sambil merapatkan ikatan kejiranan ini.

"Saya berbangga dengan sambutan yang diberikan oleh penduduk yang sanggup bersama seawal jam 8 pagi dan melaksanakan tanggungjawab fardhu kifayah ini sehingga jam 12 tengahari.

"Kesepakatan dan hubungan kejiranan KRT Rumah Teres Dua Tingkat Seksyen 24A ini

harus diberi pujian dan insyallah kami akan meneruskan tradisi ini untuk tahun berikutnya," katanya.

Mohamad berkata, gotong royong ini turut mendapat sokongan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam yang menyediakan dua tong sampah besar dan juga sebuah lori tangki untuk tujuan kerja pembersihan.